



SIARAN MEDIA

DRON PENGAWASAN DAN PENGHANTARAN TELAH DIAKTIFKAN BANTU MANGSA BANJIR DAN USAHA PEMULIHAN

PUTRAJAYA, 24 DISEMBER 2021 - Lebih 20 unit dron telah diaktifkan bagi operasi bantuan pemulihan banjir termasuk kerja-kerja pemantauan dan penghantaran bekalan kritikal seperti ubat-ubatan, makanan dan *powerbank* di beberapa kawasan di Selangor.

Usaha ini diterajui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi Pasukan Petugas Kecemasan Perkhidmatan Dron Khas (PTK2Dron) yang diselaraskan oleh Technology Park Malaysia (TPM) dengan sokongan beberapa syarikat dron tempatan menggunakan dron pemantauan dan penghantaran kepada mangsa-mangsa banjir dengan usahasama Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor, Majlis Bandaraya Shah Alam, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia dan Unit Bencana Negeri Selangor. Penghargaan juga kepada Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia dan Kementerian Pengangkutan di atas kerjasama rentas kementerian bagi tujuan kelulusan penerbangan dron.

Dron pemantauan dan penghantaran khas ini telah digerakkan ke beberapa kawasan terjejas banjir di Selangor antaranya di Taman Sri Muda, Kampung Lombong dan Lanchong, Kampung Lanchang Jaya, Taman Alam Indah, dan Kampung Jalan Kebun.

Pengendalian dron ini telah diuji lebih awal di Perak pada bulan Oktober 2021 dan didapati adalah efektif dari segi penjimatan masa serta kos sebagai alternatif kepada kaedah logistik seperti menggunakan bot. Dron-dron ini juga telah diuji untuk penghantaran ke lokasi yang mencabar dari segi geografi, termasuk ke ruang pendaratan yang sempit dan terhad.

Syarikat-syarikat teknologi dron yang terlibat adalah VStream Revolutions, Meraque Services, Alphawift Industries, Aerodyne Group dan GeoPrecision bagi usaha pemantauan khususnya di daerah Petaling dan Kuala Langat. Syarikat Meraque bersama responden pertama dan Pharmaniaga telah menguruskan operasi penghantaran ubat-ubatan menggunakan dron di kawasan yang terjejas akibat banjir di Selangor.

Selain itu, pesawat udara tanpa pemandu (*unmanned aerial vehicle, UAV*) juga telah melakukan beberapa perjalanan ulang-alik dalam penghantaran barangan kritikal dengan muatan sehingga 10kg. Dron yang digunakan juga dilengkapi kamera visi malam dan pengesanan haba (*night vision and thermal sensors*).

Selain itu, kenderaan autonomi tanpa pemandu (*unmanned autonomous vehicle, UAV*) juga telah melakukan beberapa perjalanan ulang-alik dalam penghantaran barangan kritikal dengan muatan sehingga 10kg. Dron yang digunakan juga dilengkapi kamera visi malam dan pengesanan haba (*night vision and thermal sensors*).

Untuk makluman, syarikat-syarikat teknologi dron tempatan yang terlibat menyediakan perkhidmatan ini sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial dan khidmat mereka kepada negara dan masyarakat.

Di Selangor, Pasukan PTK2Dron bekerjasama rapat dengan pelbagai pihak untuk menggerakkan bantuan segera, di samping memudah cara proses antara pengendali dan penyedia perkhidmatan dron dengan pihak berkuasa berkaitan dan memastikan taraf keselamatan dan teknikal dicapai.

Usaha pemantauan dan penghantaran bekalan kritikal ini dilaksanakan di Selangor buat masa ini tertakluk kepada keperluan dari semasa ke semasa. PTK2Dron juga bersedia untuk menghulurkan bantuan di lain-lain negeri yang terjejas akibat banjir mengikut kesesuaian, permintaan dan keperluan pihak berkuasa tempatan.

Untuk rekod, PTK2Dron diperkukuhkan menerusi penyelarasan inisiatif *Sandbox* Teknologi dan Inovasi Nasional (NTIS) yang dilancarkan oleh MOSTI pada tahun lalu yang menyokong syarikat-syarikat dron mendapatkan sokongan teknikal, pengawal seliaan dan sokongan tapak pengujian, selain menyediakan mereka dengan kes penggunaan khas termasuk pengurusan bencana dan penghantaran bekalan kecemasan.

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
24 DISEMBER 2021